


# GUNAKAN ELEKTRIK SECARA SELAMAT DAN CEKAP



## UJILAH SUIS PEMUTUS LITAR AUTOMATIK DI RUMAH ANDA


# HARI INI!

Suis pemutus litar automatik yang terdapat di dalam peti elektrik di rumah anda adalah untuk melindungi anda dan keluarga dari bahaya renjatan elektrik.

Pastikan suis pemutus litar automatik ini berkepekatan tidak melebihi **100 mA** atau **0.1 A** dan diuji sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi memastikan ia sentiasa berfungsi dengan baik.

Cara mudah untuk menguji suis pemutus litar automatik ialah dengan menekan butang uji (bertanda 'T'). Suis pemutus litar automatik yang berfungsi dengan baik akan terpelantik (*tripped*) apabila butang uji ditekan dan anda bolehlah mengembalikan semula (*reset*) suis tersebut ke kedudukan asal.

Jika suis pemutus litar automatik tidak terpelantik selepas butang uji ditekan, anda hendaklah segera dapatkan khidmat kontraktor elektrik berdaftar untuk pemeriksaan dan pengantian suis pemutus litar automatik tersebut.



**HARGAILAH KEHIDUPAN KITA.  
ELAKKAN KEMALANGAN DAN PEMBAZIRAN!**

**AMALKAN CARA  
MENGGUNA ELEKTRIK  
DENGAN CEKAP**



**TUTUPLAH SUIS JIKA TIDAK MENGUNAKAN ELEKTRIK.  
LEBIH BANYAK DIBAZIR LEBIH BANYAK PERLU DIBAYAR.**

Gunakan kelengkapan elektrik yang cekap tenaga seperti peti sejuk, kipas, TV, lampu dan penghawa dingin yang mempunyai label cekap tenaga.

Gunakan kelengkapan elektrik pada kelajuan, suhu dan muatan yang sederhana.

Gunakan pencahayaan dan pengudaraan semulajadi bagi mengurangkan penggunaan kelengkapan elektrik.

Pantau tahap penggunaan elektrik di premis anda.